

# Cabaran Asean jadi tumpuan

BH 23 NOV 2000

Laporan Jamhariah Jaafar

SINGAPURA, Rabu – Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Luar Asean esok akan menumpukan perhatian kepada topik 'Cabaran Kepada Asean' dengan tumpuan terhadap persaingan ekonomi, kesatuan politik dan cabaran sosial, sebelum menyerahkan semua agenda kepada pemimpin tertinggi yang memulakan perbincangan Jumaat ini.

Agenda perbincangan bagi Menteri-menteri Luar dan pemimpin Asean digariskan oleh kumpulan pegawai kanan yang bermesyuarat hari ini.

Bagaimanapun, mereka yang ditemui enggan mengulas mengenai isu yang dibincang.

Pemimpin tertinggi Asean akan diberi taklimat mengenai tajuk yang dipersetujui pada majlis makan malam esok di samping diharap meluluskan pernyataan Rasionalisasi Sidang Kemuncak.

Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean (AIS) Jumaat ini akan menumpukan perhatian mengenai cabaran kepada Asean dijangka turut membabitkan beberapa isu penting termasuk usaha menggariskan arkitektur kewangan dan masalah HIV/Aids.

Pemimpin dijangka berbincang dengan serius mengenai masalah dan halangan yang dihadapi dalam pembangunan serantau termasuk membabitkan persaingan ekonomi, keutuhan politik dan cabaran sosial.

Turut dibincang ialah usaha mengukuhkan perpaduan Asean, mengurangkan jurang digital dengan negara maju seperti Malaysia, Singapura dan Thailand memberi bantuan terutama kepada anggota baru dari Indo-China.

Berbekalkan topik 'Menghadapi Cabaran', pemimpin Asean dijangka menumpukan perhatian untuk menggariskan usaha konkrit dan praktikal bagi menangani pelbagai cabaran yang dihadapi rantau ini.

Antara usaha yang bakal dibincangkan ialah mengintegrasikan Asean, mengurangkan jurang digital dengan memberi tumpuan kepada perjanjian E-Asean, iaitu litar internet yang akan menghubungkan negara anggota serta usaha mengukuhkan lagi hubungan sesama negara anggota.

Sidang Kemuncak pemimpin Asean bersama rakan dialog mereka Jepun, China dan Korea Selatan (Asean 3) akan diadakan selepas solat Jumaat, dengan tumpuan topik 'Masa Depan Asia Timur' dan 'Mengukuhkan Kerjasama Asia Timur'.

Pada Sabtu, pemimpin Asean akan bermesyuarat dengan setiap rakan dialog mereka bermula dengan China yang mungkin akan berakhir dengan perjanjian kod amalan (Code of Conduct) sekiranya perbincangan mengenai kod itu dapat diselesaikan.

Perbincangan dengan Jepun akan membabitkan usaha meningkatkan kerjasama antara Negara Matahari Terbit itu dengan rantau ini, berasaskan kepada laporan Persidangan Rundingan Jepun-Asean.

Mesyuarat dengan Korea Selatan juga dijangka membabitkan usaha mengukuhkan hubungan antara negara itu dan Asean.

Laporan semalam memetik Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew akan mencadangkan supaya satu lagi kumpulan kecil menemukan Asean dengan Australia dan New Zealand diwujudkan bagi mengukuhkan lagi kerjasama dalam proses liberalisasi perdagangan dan menentang sebarang usaha melindungi ekonomi negara individu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadualkan tiba di sini petang esok.

Beliau setakat ini sudah disahkan akan mengadakan rundingan dua hala dengan Perdana Menteri China, Zhu Rongji, jam 5 petang, Jumaat ini, dan Perdana Menteri Jepun, Yoshiro Mori, pada 3 petang Sabtu.